

**RISALAH ARAHAN DALAMAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
(PTG) BIL. 2 TAHUN 2012**

**PINDAAN PERATURAN URUSAN TUNTUTAN CUTI GANTIAN BAGI
KERJA-KERJA LEBIH MASA YANG DIJALANKAN**

**Rujukan: Perintah Am Bab C dan G, Risalah Arahan Dalam PTG Bil. 1
Tahun 2012 bagi panduan tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM)**

Mesyuarat Pengurusan PTG Bil. 1/2012 pada 9 Februari 2012 yang lalu dengan pertimbangan YBhg. Dato' Pengerusi selaku Ketua Jabatan bersetuju supaya urusan tuntutan Cuti Gantian bagi Kerja-kerja Lebih Masa yang dijalankan dipinda dan diperjelaskan seperti berikut;

- a) Tuntutan jam kerja lebih masa yang kurang daripada satu jam dan tiga puluh minit tidak akan diambilkira kerana tempoh tersebut dianggap menyempurnakan tugas yang tidak diselesaikan pada waktu kerja hakiki. Jika pegawai memilih untuk mendapatkan Cuti Gantian bagi kerja-kerja lebih masa yang dijalankan, pegawai perlu mempunyai **9 jam kerja lebih masa untuk melayakkan diberi 1 hari Cuti Gantian.**
- b) **Jam kerja lebih masa boleh dikumpulkan** bagi tujuan tuntutan Cuti Gantian, dengan **tempoh maksimum pengumpulan selama 6 bulan.**
- c) **Permohonan tuntutan cuti gantian yang dihantar lewat melebihi 6 bulan tidak akan diproses** kecuali ada penjelasan yang munasabah secara bertulis dan disokong oleh Ketua Jabatan.

Semua Ketua Bahagian dan penyelia adalah bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara yang digariskan Risalah Arahan Dalam PTG yang berkuatkuasa dipatuhi, disamping memberi penegasan kepada perkara-perkara yang digariskan.

Disahkan oleh,

t.t

HAJAH SAODAH BINTI NAWAWI

Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Tarikh: 27 Mac 2012

Disahkan oleh,

t.t

DATO' HAJI ARIFIN BIN AWANG

Pengarah Tanah dan Galian

Tarikh: 28 Mac 2012